

# Pertukaran ikut kehendak, keadaan semasa — Zaid

UM 17 JAN 2003

KOTA BHARU 16 Jan. — Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO yang baru dilantik, Zaid Ibrahim berkata, pertukaran yang berlaku dalam pucuk pimpinan parti tidak harus dilihat sebagai pemecatan atau satu hukuman, sebaliknya ia perubahan yang berlaku mengikut kehendak dan keadaan semasa.

Beliau berkata, jika setiap ahli dapat melihat ia sebagai satu proses pembaharuan dan memperkuatkan parti atau bukannya satu kesalahan pihak tertentu, maka UMNO pasti mendapat sokongan rakyat.

Malah katanya, UMNO akan menjadi lebih mantap, lebih kuat dan lebih bersatu dengan peningkatan keyakinan ahli-ahli bahawa perubahan yang berlaku mengikut keadaan dan kehendak semasa.

“Tetapi ini memerlukan keikhlasan dan rasa hati terbuka. Kalau rasa berendam tak bolehlah. Kalau rasa terbuka kita (kena) ambil nasihat Per-

dana Menteri yang berkali-kali mengatakan parti dan rakyat adalah yang lebih utama dan bukan kita. Jika kita ambil nasihat itu kita boleh berjaya,” katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pelantikannya sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan yang baru menggantikan Datuk Annuar Musa.

## Tanggungjawab

Zaid berkata, beliau percaya jika semua ahli melihat perubahan itu sebagai satu tanggungjawab untuk memberi khidmat dan bukannya ada unsur lain, UMNO pasti akan menang pada pilihan raya akan datang.

Ini kerana katanya, soal pertukaran jawatan bukan merupakan kali pertama berlaku di Kelantan dan juga negeri lain.

Justeru, beliau percaya ahli-ahli dapat bersatu bagi memperkukuhkan parti dan bergerak sebagai satu

pasukan supaya harapan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang ingin melihat UMNO dan Barisan Nasional (BN) menang di Kelantan tercapai.

Dalam hal ini, Zaid yang juga Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu mengucapkan terima kasih kepada Presiden parti Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed yang memberi kepercayaan kepadanya memikul tanggungjawab berkenaan.

“Saya percaya mereka telah fikirkan perkara ini dan menyahut seruan serta harapan UMNO dan orang ramai supaya kita berusaha lebih kuat, bekerja untuk berkhidmat kepada rakyat supaya kita dapat tebus maruah kita yang telah tewas sekian lama,” katanya.